

1. PENDAHULUAN

Pelan Kesihatan ini diwujudkan oleh WATAKMAS bagi membantu keluarga ahli membil-bil perubahan yang dikenakan oleh Hospital-Hospital Kerajaan ataupun Swasta. Pelan Takaful Perubatan ini telah diwujudkan khas untuk Ahli-Ahli WATAKMAS.

2. PENANGGUNG TAKAFUL

Pelan ini dilindungi oleh Etiqa Takaful Bhd sepertimana alamat berikut:-
Etiqa Takaful Berhad (266243 D)
Level 19, Tower C
Dataran Maybank
No 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Telefon Umum : 1300-13-8888
Faks : 03-2698 1010
Website : www.etiqa.com.my

3. APAKAH PERANAN WATAKMAS

WATAKMAS bertindak sebagai wakil kepada ahli-ahlinya untuk berakad dengan Etiqa Takaful bagi melindungi ahli-ahlinya serta keluarga. Di samping itu WATAKMAS juga bertindak sebagai pencadang, pemegang kontrak, mengurus, mendaftar, mengeluarkan surat / kad pengesahan menjadi ahli, mengurus bayaran sumbangan, memproses, mengemukakan dan membuat bayaran takaful yang diterima daripada Etiqa Takaful kepada ahli-ahlinya atau waris yang berkenaan.

Nota:

1) Penyerahan tertakluk kepada surat pengesahan keahlian yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung WATAKMAS.

2) Pengesahan status "AKTIF" oleh Ketua Agensi.

4. KELAYAKAN PENYERTAAN

- 4.1 Ahli-ahli WATAKMAS yang layak
- 4.2 Umur di bawah 60 tahun dan masih berkhidmat
- 4.3 Mengisi Borang Permohonan dengan lengkap
- 4.4 Menjelaskan Bayaran Sumbangan Tahunan
- 4.5 Kes berpenyakit tertakluk kepada kelulusan Etiqa Takaful

5. CARA-CARA BAYARAN SUMBANGAN TAHUNAN

5.1 Melalui Pengurusan WATAKMAS.

6. TARIKH KUATKUASA PERLINDUNGAN TAKAFUL

6.1 Semua borang permohonan yang diterima dengan lengkap akan menentukan tarikh kuatkuasa perlindungan berdasarkan tarikh potongan / bayaran sumbangan dibuat atau setelah diluluskan oleh Etiqa Takaful Berhad.

7. PELAN INI AKAN TAMAT SECARA AUTOMATIK APABILA SESEORANG AHLI

- :-
- 7.1 Genap Umur 60 tahun Atau
 - 7.2 Berhenti dari keahlian WATAKMAS
 - 7.3 Ditamatkan kontrak sebagai Wakil Etiqa

8. PERLINDUNGAN

Perlindungan Takaful 24 Jam meliputi di seluruh dunia kecuali negara yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Kos pembiayaan diluar negara perlu ditanggung sendiri oleh peserta terlebih dahulu dan kemudian boleh dituntut semula melalui WATAKMAS tertakluk kepada had kelayakan perlindungan. Liabiliti Etiqa Takaful adalah terhad kepada jumlah Caj Kebiasaan bagi rawatan yang sama dalam Malaysia, jika ianya adalah lebih rendah dari perbelanjaan sebenarnya di luar negara.

Bagi peserta yang mendapatkan rawatan di luar negara, rawatan tersebut adalah diperlindungi di bawah manfaat perlindungan tertakluk kepada pengecualian, had dan syarat-syarat perlindungan dan segala manfaat adalah berdasarkan nilai pertukaran asing rasmi pada hari terakhir tempoh penginapan hospital dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan dan:

- Peserta ke luar negara atas sebab selain dari perawatan perubatan perlu menginap di hospital di luar negara atas sebab keperluan perubatan kecemasan
- Peserta atas nasihat pengamal perubatan perlu dihantar ke hospital di luar negara atas sebab ciri-ciri khusus perawatan, bantuan maklumat atau keputusan yang diperlukan tidak boleh dibuat atau didapatkan di Malaysia.

Rawatan di luar negara bagi penyakit, sakit atau kecederaan yang di kenal pasti di Malaysia tanpa keperluan kecemasan atau keadaan yang mana perawatan boleh ditanggungkan sehingga kembali ke Malaysia adalah dikecualikan.

9. DEFINISI

9.1 KEADAAN SEDIA WUJUD bermakna:

Segala ketidakupayaan yang wujud sebelum Tarikh Takaful Berkuatkuasa bagi Orang Yang Dilindungi dan di mana beliau menerima rawatan atau menunjukkan manifestasi/simptom tidak kira sama ada Orang Yang Dilindungi menyedarinya atau sepatutnya telah menyedarinya. Mendapatkan nasihat doktor perubatan untuk sebarang tanda atau kesakitan atau ketidakselesaan akan dianggap sebagai manifestasi atau simptom sesuatu ketidakupayaan.

9.2. PENYAKIT-PENYAKIT SPESIFIK bermakna :

I. Semua Penyakit sedia ada, Kritikal atau khusus dikecualikan perlingungannya untuk 120 hari pertama kecuali kes melibatkan kemalangan. Penyakit khusus adalah seperti berikut:

- i. Penyakit tekanan darah tinggi dan diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular dan vena varikos.
- ii. Semua jenis ketumbuhan, kanser, termasuk sista dan darah malignansi, batu karang di dalam sistem kencing dan hempedu serta kolesistitis.
- iii. Semua jenis keadaan telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak.
- iv. Hernia, hemorhoid, fistula, hidroselom, varikoselom.
- v. Endometriosis termasuk penyakit pada sistem peranakan.
- vi. Gangguan tulang belakang (termasuk ceper) dan keadaan lutut.

10. PENGECEUALIAN

- i. Keadaan Sedia Wujud seperti yang didefinisikan.
- ii. Penyakit-penyakit khusus yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama perlindungan berterusan.
- iii. Sebarang masalah keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam masa 30 hari pertama selepas tarikh takaful berkuatkuasa kecuali bagi kecederaan akibat kemalangan.
- iv. Penjagaan atau rawatan yang mana tidak dikenakan bayaran atau setakat mana perlu dibayar oleh takaful yang lain atau indemnit ke atas Yang Dilindungi dan Hilang Upayaan yang timbul akibat semasa menjalankan tugas pekerjaan atau profesyen yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja.
- v. Pembedahan pembinaan semula/kosmetik, penyunatan, ujian mata, cermin mata dan pembetulan refraktif mata atau rawatan rabun mata atau rawatan rabun jauh dan penggunaan atau pemasangan sebarang protesis luaran atau perkakasan termasuk anggota palsu, alat bantu pendengaran, kerusi roda dan kanta lensa.
- vi. Penjagaan dan rawatan gigi kecuali yang dikehendaki akibat kemalangan, terhadap gigi sihat asli semasa tempoh takaful ini.
- vii. Kejururawatan khas, penjagaan kebersihan, penyalahgunaan alkohol, pemandulan, penyakit kelamin dan lanjutannya, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau yang berkaitan dengan sebarang bentuk penyakit AIDS atau penyakit berjangkit Virus Kurang Daya Melawan Penyakit (HIV).
- viii. Rawatan atau pembedahan untuk keadaan sejak lahir dan sebarang cacatatan fizikal sejak dilahirkan termasuk keadaan turun-temurun.
- ix. Kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran pembedahan), pengguguran, penjagaan sebelum dan selepas kelahiran anak, kajian dan rawatan kemandulan, pencegahan kehamilan sama ada secara alatan mekanikal atau kimia atau bantuan pembiakan atau sebarang kerumitan yang berkaitan.
- x. Rawatan penyakit jiwa, keadaan kurang siaman (termasuk apa-apa keadaan neurosis dan psikologikal atau "psychosomatic").
- xi. Kemasukan ke hospital terutamanya untuk tujuan pemeriksaan, diagnosa, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal am atau pemeriksaan perubatan, bukan sebahagian dari rawatan atau diagnosa sebarang hilang upaya yang dilindungi atau rawatan yang tidak diperlukan dan apa-apa rawatan pencegahan, perubatan pencegahan atau perubatan yang dilakukan oleh doktor, dan rawatan terutamanya untuk pengurangan atau penambahan berat badan.
- xii. Kos/perbelanjaan yang bukan bersifat rawatan seperti televisyen, telefon, servis teleks, radio atau kemudahan yang berkaitan.
- xiii. Kesakitan atau kecederaan yang timbul daripada sebarang bentuk sukan (kecuali yang berbentuk berjalan kaki), terjun udara, luncur air, aktiviti menyelam air yang memerlukan perkakasan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti-aktiviti haram.
- xiv. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ketika waras atau tidak waras.
- xv. Rawatan yang wujud akibat (samada secara langsung atau tidak langsung) pencemaran nuklear atau kimia, peperangan, pencerobohan, tindakan musuh luar, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, penyertaan secara langsung dalam rusuhan, pemogokan dan huru-hara awam, pemberontakan atau tentera atau rampasan kuasa, atau terlibat dalam sebarang perkhidmatan tentera.

- xvi. Pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nukleor dari pembakaran bahan api nuklear.
- xvii. Kos pemungutan organ yang didermakan oleh Yang Dilindungi dan kos pengurusan (termasuk kos pembedahan untuk mendapatkan organ bagi pemindahan organ).
- xviii. Perbelanjaan berkenaan dengan penukaran jantina.
- xix. Pemeriksaan dan rawatan untuk gangguan tidur dan dengkur serta terapi penggantian hormon untuk keadaan berkaitan menopause.
- xx. Sebarang rawatan perkembangan tertunda atau daya belajar lembap pada kanak-kanak.
- xxi. Rawatan atau pembedahan kosmetik (estetik) atau sebarang rawatan yang berkenaan atau yang diperlukan akibat rawatan kosmetik sebelum ini. Walaubagaimanapun, Takaful akan membayar untuk pembedahan pembinaan semula jika:
 - a. Ianya dilaksanakan untuk mengembalikan fungsi atau rupa bentuk selepas satu kemalangan atau pembedahan berikutnya oleh sebab keadaan kesihatannya, dengan syarat ahli tersebut masih berterusan di bawah perlindungan pelan Takaful sebelum berlakunya kemalangan atau pembedahan; dan
 - b. Ianya dilaksanakan pada masa yang sesuai dari segi perubatan selepas kemalangan atau pembedahan itu; dan
 - c. Takaful bersetuju kepada kos rawatan secara bertulis sebelum perlaksanaannya.
- xxii. Sebarang rawatan yang hanya memberi kelegaan sementara dan bukan merawat keadaan perubatan tersebut.

11. JADUAL PERLINDUNGAN

Sila lihat di sebelah

12. LAIN-LAIN PERKARA

12.1 Pengesahan menjadi Ahli Pelan

Setiap peserta yang telah diterima menyertai Pelan ini akan dibekalkan dengan Kad Perubatan dan risalah penerangan.

12.2 Pertukaran Jawatan/Status Wakil/Alamat

Sebarang perubahan ataupun pertukaran berhubung perkara di atas hendaklah dimaklumkan dengan kadar segera kepada WATAKMAS.

12.3 Jika Timbul Pertikaian

Setiap pertikaian yang timbul atas sebarang sebab hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada KONTRAK INDUK PELAN KESIHATAN TANGGUGAN AHLI WATAKMAS yang di simpan di Ibu Pejabat WATAKMAS.

12.4 Hak WATAKMAS

WATAKMAS mempunyai hak untuk menamatkan Pelan Takaful mana-mana ahlinya yang di dapati melanggar syarat-syarat kontrak Wakil Etiqa Takaful Berhad dengan memberi notis tidak kurang daripada 14 hari tarikh tamat secara surat "Berdaftar" mengikut alamat terakhir dalam simpanan WATAKMAS.

12.5 Tunggakan/Hutang Sumbangan Takaful

Setiap peserta Pelan Takaful ini yang didapati mempunyai tunggakan/hutang sumbangan takaful yang disebabkan oleh potongan tidak dibuat ataupun Berhenti atas sebarang sebab dikehendaki menjelaskan tunggakan tersebut apabila dituntut dalam tempoh satu (1) bulan daripada surat tuntutan. Jika gagal pihak WATAKMAS akan menyelaraskannya sama ada melalui potongan komisyen atau daripada lain-lain sumber kewangan ahli tersebut atau pun menamatkan keahlian takaful serta merta.

12.6 Laporan / Dokumen Perubatan

Laporan / Dokumen Perubatan Semasa Permohonan
Jika perlu, semua laporan / dokumen perubatan yang diperlukan semasa permohonan mestilah dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan yang bertauliah dan diiktiraf oleh Kerajaan dan kosnya ditanggung oleh ahli berkenaan sendiri.

12.7 Kad Gantian

Gantian kad baru atas apa sebab sekalipun dikenakan RM5.00 bagi setiap orang.

12.8 Keahlian Semula

Setiap peserta yang berhenti daripada pelan ini boleh menyertainya semula bila-bila masa tertakluk kepada syarat-syarat perlindungan sebagai peserta baru.

12.9 Manfaat Perlindungan Sumbangan

Pihak WATAKMAS berhak meminda sebarang peraturan perlindungan, faedah, sumbangan dan sebagainya apabila timbul keperluan untuk kepentingan ahli.